



## 1059 SIKAP PELAJAR Matrikulasi Bahasa Arab KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR DALAM MEMPELAJARI KEMAHIRAN MENULIS

Mohamad Rofian Ismail (013-6777034)

[mohdrofian@kuis.edu.my](mailto:mohdrofian@kuis.edu.my)

Ahmad Redzaudin Ghazali

[redzaudin@kuis.edu.my](mailto:redzaudin@kuis.edu.my)

Dr. Khairatul Akmar Bin Abdul Latif

[khairatulakmar@kuis.edu.my](mailto:khairatulakmar@kuis.edu.my)

*Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab*

*Fakulti Pengajian Peradaban Islam*

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebanyak 30 orang pelajar matrikulasi bahasa Arab KUIS dipilih sebagai sampel kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0. Kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analisis digunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Untuk tatacara penganalisaan data kajian, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993). Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati nilai min yang diperoleh untuk 15 item yang dikaji dalam domain sikap berada pada interpretasi min yang sederhana iaitu 3.46 ( $SP=0.88$ ). Dapatan ini secara tidak langsung memperihalkan bahawa sikap pelajar matrikulasi program bahasa Arab di KUIS dalam mempelajari kemahiran menulis adalah sederhana dan memuaskan. Item-item sikap yang bertahap sederhana dikenalpasti ialah pelajar suka membuat latihan menulis bahasa Arab ( $Min=3.53$ ), pelajar sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab ( $Min=3.13$ ), pelajar suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $Min=3.46$ ), pelajar sentiasa menunggung aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab( $Min=3.17$ ), dan pelajar lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa ( $Min=3.33$ ). Justeru, pengkaji telah mencadangkan beberapa solusi bagi mengatasi masalah sikap yang dihadapi oleh pelajar matrikulasi dalam kemahiran menulis bahasa Arab*

**Kata Kunci :** Sikap, Pelajar Matrikulasi, Bahasa Arab, Kemahiran Menulis

### 1. Latar Belakang Kajian

Dalam mempelajari bahasa Arab khususnya kemahiran menulis, faktor sikap pelajar perlu diambil kira dan diberi perhatian yang sewajarnya kerana ia banyak mempengaruhi pencapaian dan meningkatkan penguasaan pelajar ke arah yang lebih positif .



Kemahiran menulis bahasa Arab peringkat pra-universiti pada masa kini berada pada tahap yang lemah. Kajian-kajian lepas menunjukkan kemahiran menulis pelajar berada ditahap yang kurang memuaskan walaupun pelajar telah mempelajari bahasa Arab lebih dari lima tahun sama ada bermula di peringkat sekolah rendah mahupun di peringkat sekolah menengah. Apabila memasuki pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi didapati pencapaian pelajar masih berada ditakuk lama sehingga ada mereka yang menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab yang sangat lemah seolah-olah mereka baru mengenali bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh pelajar peringkat diploma namun turut dialami oleh pelajar matrikulasi. Kajian Madihah Muhammad Yusuf (2009) kepada pelajar tahun tiga dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, tentang tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab, menunjukkan hanya 10% sahaja pelajar yang mampu mengeluarkan ayat tersebut dari petikan yang diberi. Manakala kajian Wan Nor Azwani Wan Jaafar (2011) menunjukkan kemahiran menulis bahasa Arab di kalangan pelajar Kelas Aliran Agama (KAA) berada di tahap lemah. Hanya 16.0% sahaja pelajar mencapai tahap cemerlang. Ini menujukkan peratusan yang tinggi untuk pelajar gagal dalam ujian kemahiran menulis yang dijalankan. Hal ini berlaku disebabkan oleh banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian dan penguasaan mereka. Faktor-faktor tersebut boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan juga faktor luaran.

Faktor luaran ialah faktor persekitaran, faktor kurikulum, kaedah pengajaran, penilaian matapelajaran dan juga matlamat pembelajaran. Manakala faktor dalaman pula ialah faktor yang ada pada diri pelajar seperti, sikap, motivasi dan juga persepsi. Kedua-dua kategori faktor ini memainkan peranan yang amat penting dalam mengubah tingkah laku pelajar dalam pencapaian kemahiran menulis bahasa Arab di peringkat pra-universiti. Menurut Ismail Muhamad et al. (2013) terdapat banyak faktor yang boleh dijadikan rujukan tentang sikap seseorang terhadap pembelajaran bahasa antaranya seperti minat, kesungguhan, pencapaian dan dorongan. Dapatkan kajian Abdul Aziz & Tengku Ahmad (2011) mendapati aspek sikap yang mempengaruhi keberkesanannya penggunaan bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana. Nik Rahimi (2005) dalam kajian beliau terhadap sikap pelajar dalam menguji kemahiran mendengar mendapati sikap dan karenah pelajar semasa sesi ceramah sedang dijalankan adalah berbeza dan berbagai-bagai. Pelajar yang berada jauh dengan penceramah kurang memberi tumpuan berbanding dengan mereka yang berada berhampiran dengan penceramah. Justeru, tidak dinafikan faktor sikap merupakan antara penyumbang kepada pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa Arab.

Rentetan daripada kajian-kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa keberkesanannya pembelajaran pelajar sebenarnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya motivasi, sikap, ganjaran, keinginan sendiri dan sebagainya. Justeru itu, dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenalpasti apakah bentuk dan jenis sikap pelajar program bahasa Arab di matrikulasi KUIS yang mempengaruhi pencapaian kemahiran menulis bahasa Arab.

## 2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- i. Mengenalpasti sikap pelajar program bahasa Arab di peringkat matrikulasi KUIS dalam kemahiran menulis bahasa Arab.



- ii. Menganalisis jenis dan bentuk sikap pelajar program bahasa Arab di peringkat matrikulasi KUIS dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

### 3. Soalan Kajian

Kajian ini akan memberi jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i. Bagaimanakah sikap pelajar program bahasa Arab di peringkat matrikulasi KUIS dalam kemahiran menulis bahasa Arab?
- ii. Apakah jenis dan bentuk sikap pelajar program bahasa Arab di peringkat matrikulasi KUIS dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

### 4. Perbincangan Literatur Kajian

Pencapaian kemahiran menulis bahasa Arab sebenarnya banyak dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya ialah faktor dalaman. Antara faktor dalaman tersebut ialah faktor sikap dan penerimaan pelajar terhadap kemahiran menulis. Sikap boleh disimpulkan dari cara seseorang individu itu bertingkah laku. Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Yahaya et al., 2007). Satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru menyesuaikan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran pelajar dan juga gaya pembelajaran mereka (Hashim Yaakub, 2003).

Sikap ditakrifkan sebagai orientasi individu dalam menilai sesuatu perkara. Penilaian tersebut dapat dibahagikan bentuk positif atau negatif (Rahman, 2006). Sikap juga merupakan kecenderungan seseorang dalam bertindak memilih sesuatu mengikut pengalaman, kebiasaan dan pengaruh sekitar (Crow&Crow, 1983). Menurut Ghazali et al. (2010), sikap terhadap bahasa merujuk kepada sikap satu kelompok masyarakat atau sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa seperti menarik, sedap didengar, mudah dipelajari dan sebagainya. Dalam perkataan lain, sikap merupakan pembawaan atau personaliti individu yang muncul daripada keinginan peribadi dan rangsangan kumpuan. Menurut Rozmi (2011), sikap merupakan gagasan penting dalam kehidupan manusia. Sikap juga sangat mempengaruhi tingkah laku, penilaian individu dan membayangkan tentang apa yang difikirkan dan dilakukan oleh seseorang. Alasan utama kenapa konsep sikap menjadi popular adalah kerana tumpuan pakar psikologi. Oleh itu, sikap selalu diertikan dengan komponen istilah yang berbeza iaitu kepercayaan, perasaan dan tujuan sesuatu tingkah laku. Berdasarkan kepada pandangan multidimensional, sikap membentuk kepercayaan dan tingkah laku individu terhadap sesuatu.

Terdapat pelbagai teori psikologi mengenai sikap antaranya Zajonc (1969). Beliau mengatakan bahawa pendedahan seseorang kepada sesuatu secara berulang-ulang menyebabkan mereka membina suatu sikap tertentu. Sikap tersebut terdiri daripada elemen positif atau negatif terhadap benda, situasi dan sebagainya. Fenomena ini dikenali sebagai kesan pendedahan. Menurut Crow&Crow (1983) pengubahan sikap amat diperlukan dalam usaha mencapai kejayaan dalam akademik. Dalam usia akhir remaja dan menginjak ke awal dewasa merupakan masa yang paling kritikal bagi seseorang manusia. Pelbagai cabaran dan perubahan dalam tingkah laku terjadi dan selalunya bertentangan dengan kehendak nilai atau norma setempat. Kamaruddin (2010) berpandangan bahawa pembelajaran yang sebenar ialah berkisar dengan memperoleh tabiat, pengetahuan dan sikap. Ia juga melibatkan cara baru dalam melakukan sesuatu dan percubaan individu dalam mengatasi rintangan. Ia juga digunakan untuk menyesuaikan diri dengan situasi baru. Walaupun demikian, sikap dapat



mempengaruhi emosi untuk bertindak balas melalui cara tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, benda atau isu tertentu. Sikap berasaskan desakan dalaman, tabiat yang dipelajari dan pengaruh alam sekitar. Manakala dalam bidang pendidikan, sikap boleh dipengaruhi oleh beberapa keadaan tertentu. Sikap dapat diperlihatkan melalui peniruan model tertentu, sentimen dan pengalaman tertentu. Pembentukan sikap boleh dilakukan mengikut beberapa strategi antarnya perbincangan formal, penerapan, gerak kerja kokurikulum dan budaya sekolah.

Walaubagaimanapun, kajian secara rasmi belum pernah dilakukan tetapi didapati bahawa golongan pelajar hanya belajar sekadar lulus sahaja. Ini sangat berkait rapat dengan psikologi manusia. Untuk mengatasi tingkah laku yang negatif, pakar-pakar psikologi pendidikan berpendapat bahawa mereka patut ditunjukkan cara yang betul dan mudah diikut. Menurut Anuar (2001) tunjuk ajar mesti diberikan walaupun terdapat sikap memberontak kalangan pelajar sama ada ditunjukkan secara luaran atau dalam diri mereka. Walaupun demikian, ada juga teori seperti Bem (dalam Rozmi 2011) yang mengatakan bahawa tingkah laku mempengaruhi sikap dan sebaliknya. Menurut Gregory & Sadeh (2012), banyak kajian emperikal yang berkaitan dengan sikap telah dilakukan dalam bidang psikologi yang boleh dikesan sepanjang kurun ini. Beberapa kajian penting dalam membuat dan menentukan kayu ukur tentang sikap individu banyak dilakukan dalam bidang psikologi sosial. Kajian tersebut biasanya dikenali sebagai kajian berkaitan sikap.

Kesimpulannya, sikap boleh dibentuk dengan memberi ganjaran dan hukuman ketikan berinteraksi dengan sesuatu. Ia juga boleh terbentuk secara tidak langsung. Pembentukan iaitu melalui proses pembelajaran, secara pemerhatian, peniruan pelaziman dan peneguhan. Sikap juga akan mempengaruhi tingkah laku individu.

## 5. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif deskriptif. Sebanyak 30 orang responden dipilih sebagai sampel kajian yang terdiri daripada pelajar matrikulasi bahasa Arab di KUIS. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diagihkan kepada responden kajian menggunakan kaedah persampelan berstrata. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 22.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis diskriptif mudah iaitu analisis skor min. Pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis, seperti dalam Jadual 1.0 di bawah.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Purata Ke Dalam 3 Tahap Skala Likert

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

## 6. Analisis Kajian

Analisis skor min telah dijalankan ke atas item-item yang berkaitan dengan domain faktor sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab KUIS dalam mempelajari kemahiran menulis. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan nilai min yang diperoleh untuk 15 item yang dikaji.



**Jadual 1.1 : Min Faktor Sikap Pelajar Matrikulasi Bahasa Arab KUIS Dalam Mempelajari Kemahiran Menulis**

Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
Saya suka membuat latihan menulis bahasa Arab.	1 3.3%	1 3.3%	12 40%	13 43.3%	3 10%	3.53	0.86	Sederhana
Saya sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab.	1 3.3%	4 13.3%	17 56.7%	6 20%	2 6.7%	3.13	0.86	Sederhana
Saya suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab.	1 3.3%	2 6.7%	10 33.3%	16 20%	1 3.3%	3.46	0.81	Sederhana
Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.	1 3.3%	0 0%	6 20%	14 46.7%	9 30%	4.00	0.90	Tinggi
Aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab tidak membosankan saya.	0 0%	2 6.7%	9 30%	14 46.7%	5 16.7%	3.73	0.83	Tinggi
Masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab adalah mencukupi.	2 6.7%	3 10%	10 33.3%	11 36.7%	4 13.3%	3.40	1.0	Sederhana
Saya sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab.	0 0%	5 16.7%	16 20%	8 26.7%	1 3.3%	3.17	0.75	Sederhana
Saya rasa senang hati jika dapat mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab.	0 0%	2 6.7%	9 30%	13 43.3%	6 20%	3.77	0.86	Tinggi
Kemahiran berbahasa penting bagi saya untuk saya maju ke hadapan dalam bidang kemahiran menulis bahasa Arab.	0 0%	1 3.3%	1 3.3%	14 46.7%	14 46.7%	4.37	0.72	Tinggi
Saya lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa.	0 0%	3 10%	15 50%	11 36.7%	1 3.3%	3.33	0.71	Sederhana
Saya cukup meminati dan berasa bertuah kerana dapat mengikuti program berkaitan kemahiran menulis bahasa Arab ini.	0 0%	0 0%	4 13.3%	17 56.7%	9 30%	4.17	0.65	Tinggi
Saya bertekad untuk memiliki semua kemahiran menulis berbahasa Arab.	0 0%	0 0%	6 20%	13 43.3%	11 36.7%	4.17	0.75	Tinggi
Program bahasa Arab ini membantu saya menghubung kait teori dan amali menulis bahasa Arab.	0 0%	2 6.7%	2 6.7%	19 63.3%	7 23.3%	4.03	0.76	Tinggi
Saya pasti tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab.	0 0%	0 0%	8 26.7%	18 60%	4 13.3%	3.87	0.63	Tinggi
Saya amat meminati subjek menulis bahasa Arab yang diajar.	0 0%	2 6.7%	7 23.3%	14 46.7%	7 23.3%	3.87	0.86	Tinggi



Min Keseluruhan

3.73 0.79

Tinggi

Jadual 1.1 menunjukkan min keseluruhan item untuk domain kajian berkaitan persepsi pelajar matrikulasi bahasa Arab KUIS terhadap faktor sikap mereka dalam mempelajari kemahiran menulis. Secara umumnya, nilai min yang diperoleh untuk 15 item yang dikaji berada pada interpretasi min yang tinggi iaitu 3.73 (SP=0.79).

Sembilan item mendapat min yang tinggi adalah kemahiran berbahasa penting bagi saya untuk saya maju ke hadapan dalam bidang kemahiran menulis bahasa Arab (min=4.37, SP=0.72), Saya cukup meminati dan berasa bertuah kerana dapat mengikuti program berkaitan kemahiran menulis bahasa Arab ini (Min=4.17, SP=0.65), Saya bertekad untuk memiliki semua kemahiran menulis berbahasa Arab (Min=4.17 ,SP=0.75), Program bahasa Arab ini membantu saya menghubung kait teori dan amali menulis bahasa Arab (Min=4.03, SP=0.76), saya berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai kemahiran menulis bahasa Arab (min=4.00, SP=0.90), saya pasti tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab (Min=3.87, SP=0.63), saya amat meminati subjek menulis bahasa Arab yang diajar (min=3.87, SP=0.86), saya rasa senang hati jika dapat mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab (min=3.77, SP=0.86) dan aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab tidak membosankan saya (min=3.73, SP=0.83).

Namun begitu, terdapat enam item yang mendapat min yang sederhana iaitu saya suka membuat latihan menulis bahasa Arab (min=3.53, SP=0.86). Dapatkan ini menunjukkan bahawa sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab dalam membuat latihan penulisan adalah sederhana dan memuaskan. Item-item lain yang berstatus sederhana ialah saya suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab (min=3.46, SP=0.81), masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab adalah mencukupi (min=3.40, SP=1.00), saya lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa (min=3.33, SP=0.71), Saya sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab (min=3.17, SP=0.75) dan saya sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab (min=3.13, SP=0.86). Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti penulisan bahasa Arab dalam proses pengajaran dan pembelajaran kurang merangsang minat pelajar matrikulasi bahasa Arab KUIS dan dalam masa yang sama mereka menganggap peruntukan masa pembelajaran menulis bahasa Arab kurang sesuai dan tidak mencukupi.

Secara keseluruhannya, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa hampir keseluruhan item yang berkaitan domain sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab seperti sikap mereka terhadap kepentingan kemahiran menulis bahasa Arab, minat dan kecenderungan mereka dalam mengikuti program kemahiran menulis bahasa Arab, tekad dan azam mereka untuk memiliki semua kemahiran menulis, program bahasa Arab yang dipelajari membantu mereka menulis bahasa Arab dengan baik samada teori dan praktikal, usaha dan kesungguhan mereka dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab, kenyakinan mereka untuk tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab, minat mereka dalam mempelajari subjek menulis bahasa Arab, keseronokan mereka dalam mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab dan juga aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab yang tidak membosankan berada pada tahap yang tinggi. Daripada sembilan item yang berada pada tahap min yang tinggi, didapati beberapa item memperoleh peratusan persetujuan responden yang tinggi iaitu 93.4% untuk item kepentingan kemahiran berbahasa, 86.7% untuk minat pelajar untuk memgikuti program kemahiran menulis dan juga tekad mereka dalam memiliki semua kemahiran menulis bahasa Arab.



Justeru, dapat disimpulkan berdasarkan analisis yang diperoleh bahawa sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab di KUIS dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Arab adalah sangat positif dalam beberapa aspek terutama sikap mereka terhadap kepentingan kemahiran menulis bahasa Arab, minat dan kecenderungan mereka dalam mengikuti program kemahiran menulis bahasa Arab, tekad dan azam mereka untuk memiliki semua kemahiran menulis, program bahasa Arab yang dipelajari membantu mereka menulis bahasa Arab dengan baik samada teori dan praktikal, usaha dan kesungguhan mereka dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab, kenyakinan mereka untuk tekun dalam mengikuti subjek menulis bahasa Arab, minat mereka dalam mempelajari subjek menulis bahasa Arab, keseronokan mereka dalam mengikuti aktiviti menulis bahasa Arab dan juga aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab yang tidak membosankan.

### DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis skor min di atas, kajian ini merumuskan bahawa sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab KUIS dalam mempelajari kemahiran menulis adalah baik dan sangat positif dari pelbagai aspek yang dikaji. Namun begitu, terdapat beberapa sikap lain yang dikaji berada pada nilai min yang sederhana seterusnya perlu diberi ruang dan perhatian agar dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab di KUIS. Sikap-sikap tersebut ialah :

- (a) Pelajar suka membuat latihan menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.53$ ,  $\text{SP}=0.86$ ).
- (b) Pelajar suka membuat aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.46$ ,  $\text{SP}=0.81$ )
- (c) Masa yang diperuntukkan dalam setiap sesi pembelajaran menulis bahasa Arab pelajar adalah mencukupi ( $\text{min}=3.40$ ,  $\text{SP}=1.00$ )
- (d) Pelajar lebih suka jika aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab diadakan sepanjang masa ( $\text{min}=3.33$ ,  $\text{SP}=0.71$ )
- (e) Pelajar sentiasa menunggu-nunggu aktiviti-aktiviti menulis bahasa Arab ( $\text{min}=3.17$ ,  $\text{SP}=0.75$ )
- (f) Pelajar sentiasa melibatkan diri secara aktif semasa diadakan aktiviti-aktiviti bahasa Arab ( $\text{min}=3.13$ ,  $\text{SP}=0.86$ ).

Dapatkan ini secara tidak langsung memperihalkan keenam-enam aspek ini perlu diberi perhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar matrikulasi bahasa Arab, KUIS.

### CADANGAN DAN PENYELESAIAN

Setelah di analisis data dan dibincangkan dapatkan kajian, pengkaji ingin mengemukakan beberapa solusi dan cadangan berkaitan sikap pelajar program bahasa Arab di Pusat Matrikulasi, KUIS ke arah meningkatkan penguasaan kemahiran penulisan bahasa Arab. Setiap butiran cadangan dan solusi tersebut adalah seperti berikut :

1. Aktiviti latihan penulisan bahasa Arab dalam modul yang dipelajari perlu dipelbagaikan dan bersifat mesra pelajar. Hal ini pastinya dapat merangsang minat pelajar untuk membuat latihan penulisan tanpa rasa jemu dan bosan.



2. Pensyarah perlu mengenalpasti kecenderungan dan minat pelajar terlebih dahulu sebelum melaksanakan aktiviti penulisan kerana setiap pelajar mempunyai tahap halangan psikologi yang berbeza seperti takut, rungsing, bimbang dan beremosi.
3. Aktiviti penulisan bahasa Arab perlu dijalankan dalam dua bentuk iaitu aktiviti dalam kelas dan aktiviti luar kelas. Aktiviti dalam kelas bersifat formal tapi menarik dan mesra pelajar manakala aktiviti luar kelas perlu bersifat santai dan bersasar. Penulisan pelajar dapat ditingkatkan jika unsur permainan dapat diterapkan dalam aktiviti penulisan luar kelas.
4. Pensyarah perlu bijak mengagihkan masa pengajaran yang diperuntukkan terutama aktiviti-aktiviti penulisan yang tinggi seperti aktiviti menulis karangan. Hal ini kerana aktiviti mengarang mengambil masa yang lama seterusnya objektif yang ingin dicapai tidak tercapai.
5. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab yang dianjurkan oleh KUIS atau luar KUIS perlu diberi perhatian. Semua pihak berkepentingan perlu berusaha merangsang minat pelajar untuk melibatkan diri dalam semua aktiviti dan program kemahiran menulis bahasa Arab.

## PENUTUP

Kajian ini merumuskan bahawa kesemua objektif kajian yang telah digariskan didapati telah tercapai. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar matrikulasi bahasa Arab KUIS dalam mempelajari kemahiran menulis adalah baik dan sangat positif dari pelbagai aspek yang dikaji. Namun begitu, terdapat beberapa sikap lain yang dikaji berada pada nilai min yang sederhana seterusnya perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar dapat membantu dan membimbing pelajar meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab di KUIS dengan baik.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz, N. A. & Tengku Ahmad, T. A. H. D. (2011) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
- Anuar Puteh (2001). Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 19(2), 79-101.
- Crow & Crow (1983). Psikologi Pendidikan Untuk Pengurusan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka.
- Jamil Ahmad. (1993). Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah Negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, & Parilah M. Shah (2010). Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 15-33.
- Gregory, A. M., & Sadeh, A. (2012). Sleep, emotional and behavioral difficulties in children and adolescents. *Sleep medicine reviews*, 16(2), 129-136.
- Hashim, S. & Yaakub, R. (2003). Psikologi pembelajaran dan personaliti. Gombak, Selangor: PTS Publication and Distributors Sdn Bhd



- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. GEMA Onlinet M Journal of Language Studies, 13(2), (Halaman : 81-97).
- Jamil Ahmad. (1993). Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah Negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamaruddin Md Tahir (2010). Penilaian pembangunan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Madihah Muhammad Yusuf. (2009). Mustawā ma'rifat jumal 'ismiyyat laday ṭalabat watālibāt sanat thālithat bi kulliyyat dirāsāt al-qur'an wa al-sunnat. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi. Tesis Doktor. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Bangi UKM.
- Rahman, S. (2006). Hubungan antara kesedaran metakognisi, motivasi dan pencapaian akademik pelajar universiti. *Jurnal Pendidikan Malaysia/ Malaysian Journal of Education*, 31, 21-39.
- Rozmi Ismail (2011). Psikologi Sosial. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Selangor Darul Ehsan.
- Wan Norazwani Wan Jaafar. (2011). Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar Kelas Aliran Agama di Kota Setar. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahaya, A., Ramli, J. & Boon, Y. (2007). Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris: Sejauh Manakah Hubungan Ini Relevan?. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zajonc, R. (1969). Animal social psychology: A reader of experimental studies.